

# **Sejarah 1249 / 3**

**PP Kertas 3**

**Okt.**



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN**

---

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5**

**SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2020**

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**SEJARAH**  
**Kertas 3**

---

---

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **13** halaman bercetak

### **KERTAS 3**

Usaha membentuk persekutuan Malaysia telah menimbulkan reaksi serta cabaran dari dalam negeri dan negara luar. Namun, hal ini ditangani melalui pelbagai usaha. Akhirnya, pembentukan Malaysia diterima dan Perlembagaan Malaysia 1963 telah digubal.

Berdasarkan pernyataan di atas, anda dikehendaki menjawab soalan / tugas berikut :

<b>Soalan</b>	<b>Perincian</b>	<b>Markah</b>
<b>1</b>	Jelaskan cadangan pembentukan Malaysia.	[5 markah]
	F1 Dikemukakan sejak awal abad ke-19 F2 Cadangan oleh Lord Brassey/Pengarah Syarikat Borneo Utara pada 1887 F3 Mencadangkan Kerajaan British menggabungkan Sarawak dan Sabah (Borneo Utara) dengan Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat F4 Cadangan oleh Sir Malcom MacDonald/Gabenor Jeneral Asia Tenggara pada 1948 F5 Mencadangkan Sarawak/Sabah/Brunei/Persekutuan Tanah Melayu digabungkan F6 Cadangan oleh Dato' Onn Ja'afar pada 1956 F7 Mencadangkan agar Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamai Malaysia F8 Beliau berpendapat bahawa British akan menggabungkan Sarawak/Sabah/Brunei/Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu F9 Cadangan oleh pemimpin Singapura F10 Seperti Lim Yew Hock/David Marshall/Lee Kuan Yew F11 Lee Kuan Yew mendesak British supaya berunding dengan Tunku Abdul Rahman F12 Untuk menggabungkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu sahaja. F13 Idea tersebut tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman F14 Akan berlaku ketidakseimbangan penduduk F15 Cadangan oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 F16 Telah bersetuju dengan gagasan Malaysia F17 Mencadangkan pembentukannya dalam majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

	F18 Beliau menyuarakan harapan negara Malaysia dapat dibentuk F19 Bagi menjamin kedudukan politik yang lebih kukuh/disegani di rantau ini F20 Kerjasama dalam bidang ekonomi/sosial dapat diwujudkan F21 Pembentukan Malaysia memerlukan kerjasama antara British dengan rakyat tempatan	1 1 1 1
	<b>ms. 137-138</b>	[Mana-mana 5 x 1 m] <b>[5 m]</b>

Soalan	Perincian	Markah
<b>2</b>	Huraikan faktor-faktor pembentukan Malaysia : (i) Politik (ii) Ekonomi (iii) Sosial	[9 markah] [3 markah] [3 markah]
	<b>Politik</b> F1 Lee Kuan Yew berminat bergabung dengan Malaysia F2 Kerana perkembangan pengaruh Barisan Sosialis F3 Barisan Sosialis memenangi pilihan raya Hong Lim di Singapura pada bulan April 1961 F4 Kebangkitan pengaruh Barisan Sosialis akan melemahkan parti pimpinan Lee Kuan Yew iaitu Parti Tindakan Rakyat/ <i>People's Action Party (PAP)</i> F5 Perkembangan ini akan menggugat rancangan British F6 British mahu memberikan kemerdekaan kepada Singapura F7 Barisan Sosialis dianggap sebagai gerakan berhaluan kiri oleh Lee Kuan Yew F8 Ancaman komunis merupakan faktor pembentukan Malaysia F9 Lee Kuan Yew menggunakan alasan ancaman komunis untuk mendesak British menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu F10 Persekutuan Tanah Melayu mempunyai pengalaman yang lama dalam membanteras pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM) F11 Sepanjang tempoh darurat dari tahun 1948 hingga tahun 1960 F12 Ancaman komunis juga wujud di Sarawak F13 Diperjuangkan oleh <i>Clandestine Communist Organization/CCO</i> F14 Bermatlamat menjadikan Sarawak sebagai negara komunis	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

F15	Mendorong Tunku Abdul Rahman mengemukakan idea pembentukan Malaysia	1
F16	Penyertaan Singapura/Sarawak/Sabah ke dalam Malaysia menjadi benteng yang kukuh bagi menghadapi ancaman komunis	1
F17	Penubuhan Malaysia akan mempercepat kemerdekaan Sarawak/Sabah/Singapura/Brunei	1
F18	Sarawak/Sabah/Brunei belum mampu berkerajaan sendiri	1
F19	Penyertaan mereka akan menjamin kemerdekaan yang lebih awal	1
F20	Malaysia akan ditubuhkan dalam tempoh dua tahun	1
F21	Mereka dapat menikmati pembangunan sosial/ekonomi/politik	1
F22	Merupakan proses dekolonialisasi British terhadap negeri-negeri kecil yang belum membangun	1
F23	Hampir semua negara di Asia Tenggara telah berjaya mendapatkan kemerdekaan	1
F24	Pada tahun 1960 telah timbul usul agar tanah-tanah jajahan dimerdekaan semasa perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)	1
F25	Kejayaan pembentukan Malaysia dapat memberikan kestabilan politik kepada rantau Asia Tenggara	1
F26	British berharap pembentukan Malaysia dapat menghalang penyebaran pengaruh komunis di Singapura/wilayah-wilayah Borneo	1
F27	British mengambil langkah-langkah ke arah memastikan kepentingan mereka terus terkawal	1
F28	Terutama pangkalannya di Singapura	1
[Mana-mana 9 x 1 m]		<b>[9 m]</b>
<b>Ekonomi</b>		
F29	Mewujudkan satu pasaran lebih luas	1
F30	Menggalakkan pelaburan	1
F31	Menggalakkan perkembangan industri pertanian	1
F32	Kerjasama serantau dalam bidang ekonomi	1
F33	dapat memanfaatkan keistimewaan/sumber-sumber yang ada di negeri-negeri ini	1
F34	Tanah Melayu kaya dengan bahan mentah seperti getah/bijih timah	1
F35	Sarawak/Sabah mempunyai sumber balak	1
F36	Brunei kaya dengan sumber minyak	1
[Mana-mana 3 x 1 m]		<b>[3 m]</b>

<b>Sosial</b>			
F37 Mengimbangkan jumlah kaum dalam kalangan negeri anggota		1	
F38 Mengimbangkan kadar pertumbuhan kaum dalam kalangan negeri anggota		1	
F39 Dengan memasukkan Sarawak/Sabah/Brunei untuk menyegerakan kemerdekaan bagi negeri-negeri anggota		1	
F40 Memajukan negeri-negeri yang belum membangun seperti Sarawak/Sabah		1	
F41 Selari dengan dasar dekolonisasai British		1	
F42 Memperlihatkan kesepakatan/semangat setia kawan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak/Sabah/Singapura		1	
F43 Memajukan negeri masing-masing demi kepentingan bersama		1	
	[Mana-mana 3 x 1 m]		<b>[3 m]</b>
<b>ms. 139-140</b>		<b>Mak.</b>	<b>[15 m]</b>

<b>Soalan</b>	<b>Perincian</b>	<b>Markah</b>
<b>3</b>	Jelaskan reaksi negara luar yang berikut terhadap cadangan pembentukan Malaysia. (i) Indonesia (ii) Filipina	[15 markah] [5 markah]
	<p><b>Reaksi Indonesia</b></p> <p>F1 Indonesia membantah pembentukan Malaysia</p> <p>F2 Pada peringkat awal Indonesia tidak menunjukkan sebarang reaksi terhadap pembentukan Malaysia</p> <p>F3 Penentangan Indonesia hanya berlaku pada akhir 1962</p> <p>F4 Indonesia berpendapat pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme yang akan mengancam Indonesia</p> <p>F5 Pandangan ini disuarakan oleh Parti Komunis Indonesia (PKI)</p> <p>F6 PKI mempengaruhi Presiden Soekarno untuk mengisyiharkan Dasar Konfrontasi</p> <p>F7 Indonesia melancarkan Dasar Konfrontasi dari segi ekonomi dan kemasyarakatan terhadap Malaysia</p> <p>F8 Dengan konsep Ganyang Malaysia pada 20 Januari 1963</p> <p>F9 Dasar Indonesia untuk memusnahkan pembentukan Malaysia</p> <p>F10 Menghantar pengintip untuk memusnahkan gagasan Malaysia dari dalam secara sulit</p> <p>F11 Melakukan serangan terhadap kapal-kapal nelayan Tanah Melayu</p> <p>F12 Melakukan pencerobohan udara</p> <p>F13 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak mengambil sebarang tindakan pada peringkat ini</p> <p>F14 Tentera Indonesia mula melancarkan serangan terhadap Malaysia</p> <p>F15 Melalui Johor/Sarawak/Sabah</p> <p>F16 Malaysia bertindak balas dengan bantuan tentera Komanwel</p> <p>F17 Dari Britain/Australia/New Zealand/Kanada</p> <p>F18 Tunku Abdul Rahman mengambil tindakan menghantar bantahan rasmi</p> <p>F19 Kepada Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu berhubung pencerobohan tersebut</p> <p>F20 Ancaman Indonesia menekan Tanah Melayu dari segi ekonomi tidak berjaya</p>	1 1

	F21 Tindakan ini menjelaskan Indonesia sendiri	1
	F22 Malaysia terpaksa mengambil langkah memelihara kedaulatan negara dan rakyatnya	1
	F23 Indonesia bertindak memburukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia dan negara Dunia Ketiga	1
	F24 Tun Abdul Razak mengadakan lawatan ke beberapa buah negara Afrika	1
	F25 Untuk menjelaskan masalah hubungan diplomatik antara Indonesia dengan Malaysia	1
	F26 Hubungan tegang antara Malaysia dengan Indonesia berpanjangan sehingga bulan September 1965	1
	F27 Berlaku pemberontakan bersenjata di Indonesia	1
	F28 Jeneral Soeharto telah menggulingkan Presiden Soekarno	1
	F29 Presiden Soeharto telah menghantar Menteri Luar Indonesia/Adam Malik	1
	F30 Bagi memulihkan hubungan diplomatik Indonesia dan Malaysia	1
	F31 Perundingan telah diadakan di Bangkok pada 1966	1
	F32 Malaysia diwakili Tun Abdul Razak Hussein	1
	F33 Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia ditamatkan pada Ogos 1966	1
	[Mana-mana 15 x 1 m]	<b>[15 m]</b>
<b>Reaksi Filipina</b>		
	F34 Presiden Macapagal membuat pengumuman rasmi untuk menuntut hak terhadap Sabah	1
	F35 Mendakwa bahawa Sabah sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu	1
	F36 Dibuat berdasarkan Perjanjian yang ditandatangani pada 22 Januari 1878	1
	F37 Antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overbeck	1
	F38 Baron Overbeck telah menjualkan haknya kepada Alfred Dent	1
	F39 Menubuhkan Syarikat Perdagangan	1
	F40 Memperoleh Piagam Diraja daripada British	1
	F41 Dikenali sebagai Syarikat British Utara Borneo (SBUB)	1
	F42 SBUB memerintah Sabah sehingga kedatangan Jepun	1
	F43 Pada tahun 1946 SBUB menyerahkan pemerintahan Sabah kepada British	1
	F44 Pada 22 Januari 1958 Sultan Esmail Kiram (waris Sultan Sulu yang terakhir) telah mengisytiharkan bahawa pajakan ini telah tamat	1

	F45 Menjelang bulan Jun 1966 Filipina mengiktiraf penubuhan Malaysia F46 Untuk membaiki hubungan antara Malaysia-Filipina F47 Melalui penubuhan MAPHILINDO (Malaysia, Filipina, Indonesia)		1 1 1
		[Mana-mana 5 x 1 m]	[5 m]
	<b>ms. 146-148</b>	<b>Mak.</b>	<b>[20 m]</b>

<b>Soalan</b>	<b>Perincian</b>	<b>Markah</b>
<b>4</b>	Peranan Tunku Abdul Rahman dalam merealisasi pembentukan Malaysia [15 markah]	
	<b>F1 Mengadakan rundingan dengan British atas desakan Lee Kuan Yew</b> H1a untuk mengabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu sahaja H1b idea ini tidak dipersetujui kerana akan berlaku ketidakseimbangan penduduk H1c Tunku Abdul Rahman menyetujui pembentukan gagasan Malaysia  [F + mana-mana H]	1 1 1 1 <b>[2 m]</b>
	<b>F2 Tunku Abdul Rahman menyetujui pembentukan gagasan Malaysia</b> H2 Dalam majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri di Hotel Adelphi,Singapura  [F + H]	1 1 <b>[2 m]</b>
	<b>F3 Menyuarkan harapannya supaya pembentukan gagasan Malaysia dapat dibentuk</b> H3a bagi menjamin satu kedudukan politik yang kukuh/disegani di rantau ini H3b dapat mewujudkan kerjasama ekonomi/sosial H3c pembentukan negara Malaysia memerlukan kerjasama antara British dengan rakyat tempatan  [F + mana-mana H]	1 1 1 1 <b>[2 m]</b>
	<b>F4 Penyertaan Singapura/Sarawak/Sabah ke dalam Malaysia</b> H4 diharapkan dapat menjadi benteng yang kukuh bagi menghadapi ancaman komunis  [F + H]	1 1 <b>[2 m]</b>
	<b>F5 Beliau mengambil tindakan menghantar bantahan rasmi</b> H5a kepada Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu H5b berhubung dengan pencerobohan Indonesia terhadap Tanah Melayu/Sarawak/Sabah  [F + mana-mana H]	1 1 1 <b>[2 m]</b>

	<b>F6</b> <b>Malaysia terpaksa mengambil langkah memelihara kedaulatan negara/rakyatnya</b>	1
H6	apabila Indonesia memburuk-burukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia/negara Dunia Ketiga [F + H]	1 <b>[2 m]</b>
	<b>F7</b> <b>Menghantar Tun Abdul Razak mengadakan lawatan ke beberapa buah negara Afrika</b>	1
H7a	bagi menjelaskan masalah hubungan diplomatik antara Indonesia dengan Malaysia [F + mana-mana H]	1 <b>[2 m]</b>
H7b	menjelang bulan Ogos 1966, berakhirlah konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia	1
	<b>F8</b> <b>Membaiki hubungan dengan Filipina</b>	1
H8a	menjelang bulan Jun 1966, Filipina telah mengiktiraf penubuhan Malaysia [F + mana-mana H]	1 <b>[2 m]</b>
H8b	pengiktirafan ini diberi melalui MAPHILINDO (Malaysia, Filipina, Indonesia)	1
	<b>F9</b> <b>Berusaha mengadakan lawatan ke Sarawak/Sabah/Brunei</b>	1
H9	untuk menerangkan konsep/tujuan/matlamat penubuhan Malaysia [F + H]	1 <b>[2 m]</b>
	<b>F10</b> <b>Mengadakan rundingan antara pegawai-pegawai kanan PTM dengan pegawai-pegawai British di Sarawak/Sabah/ Singapura</b>	1
H10a	menghasilkan sebuah Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum [F + mana-mana H]	1 <b>[2 m]</b>
H10b	menjadi ahli Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum	1
	<b>F11</b> <b>Mengadakan sidang kemuncak antara kerajaan Malaysia/Indonesia/Filipina</b>	1
H11a	bersama Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal [F + mana-mana H]	1 <b>[2 m]</b>
H11b	menubuhkan MAPHILINDO	1
H11c	ketiga-tiga negara bersetuju mencari jalan penyelesaian	1
H11d	dengan bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu/PBB	1

<b>F12</b>	<b>Pembentukan Malaysia direalisasikan pada 16 September 1963</b>	1
	[F]	<b>[1 m]</b>
	(Mana-mana jawapan munasabah)	<b>Mak.</b> <b>[15 m]</b>

<b>Soalan</b>	<b>Perincian</b>	<b>Markah</b>
<b>5 - 8</b>	<p>5. Pembentukan Malaysia memberi manfaat kepada kestabilan dan kemakmuran negara. Jelaskan pernyataan tersebut</p> <p>6. Bincangkan cabaran ke arah mengukuhkan kesejahteraan dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.</p> <p>7. Huraikan langkah-langkah untuk mengukuhkan kesejahteraan dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.</p> <p>8. Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada pembentukan Malaysia 1963.</p>	<p>[10 markah]</p> <p>[10 markah]</p> <p>[10 markah]</p> <p>[10 markah]</p>
	<p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas, tepat dan mendalam</p> <p>Fakta sangat tepat</p> <p>Membuat inferens lanjutan dan tepat</p> <p>Isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang</p> <p>Huraian disertakan dengan pernyataan dan bukti yang sangat jelas</p> <p>Pengolahan/komunikasi sangat menarik</p>	<b>Aras 4</b> 9 - 10
	<p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas, tepat dan mendalam</p> <p>Fakta tepat</p> <p>Membuat inferens yang tepat</p> <p>Beberapa isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang atau hampir semua isi dihuraikan tetapi kurang mendalam</p> <p>Huraian disertakan dengan pernyataan dan bukti yang jelas</p> <p>Pengolahan/komunikasi menarik</p>	<b>Aras 3</b> 7 - 8

	<p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas</p> <p>Fakta tepat</p> <p>Membuat inferens yang mudah</p> <p>Kurang isi penting</p> <p>Huraian tidak mendalam/tidak seimbang</p> <p>Huraian disertakan dengan pernyataan dan bukti yang terhad</p> <p>Pengolahan/komunikasi kurang menarik</p>	<b>Aras 2</b> 4 - 6
	<p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad</p> <p>Sebahagian fakta masih tepat tetapi secara umum/tanpa penerangan</p> <p>Tiada bukti dan contoh yang sesuai</p> <p>Pengolahan/komunikasi tidak menarik</p>	<b>Aras 1</b> 1
<i>Jumlah</i>		<b>[10 m]</b>

Soalan	Perincian	Markah
<b>9</b>	Buat rumusan terhadap pembentukan Malaysia 1963.	[5 markah]
	Rumusan yang sangat sesuai, relevan, jelas dan menggambarkan kehendak soalan	<b>Aras 3</b> 4-5
	Rumusan yang sesuai, relevan dan menggambarkan kehendak soalan tetapi sebahagian maklumat kurang jelas	<b>Aras 2</b> 2 - 3
	Rumusan yang ringkas/kurang sesuai/kurang relevan, kabur dan tidak menggambarkan keseluruhan soalan	<b>Aras 1</b> 1
	<b>Jumlah</b>	<b>[5 m]</b>

### **Catatan :**

1. *P* : Pengetahuan                            **5 m** [F + mana-mana 4H]  
*N* : Nilai                                        **5 m** [F + mana-mana 4H]  
*UP* : Unsur patriotisme                        **5 m** [F + mana-mana 4H]  
*H* : Harapan                                      **5 m** [F + mana-mana 4H]

2. Calon boleh membuat rumusan dengan menggabung jalin mana-mana 4 elemen (P/N/UP/H) tetapi perlu ada F(Fakta) + H(Huraian)

3. Calon yang hanya membuat rumusan dengan mana-mana 4 elemen (P/N/UP/H) yang mengemukakan F(Fakta) tanpa H (Huraian) akan mendapat markah  $\frac{1}{2}$  sahaja.

## **PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**